

Selama lebih 100 tahun kodak menjadi peneraju dalam industri fotografi. Namun pada tahun 2012 mereka diisytihar bankrup. Mereka telah melepaskan dua peluang berharga.



KAMERA DIGITAL PERTAMA

Pada tahun 1975, Steve Sasson pekerja Kodak sendiri telah berjaya mencipta Kamera Digital. Ia telah membawa ciptaan ini ke pihak atasan.

Tetapi mereka sedikit pun tidak teruja dengan penemuan itu. Bahkan mereka menjawab: "Print had been with us for over 100 years, no one was complaining about prints, they were very inexpensive, and so why would anyone want to look at their picture on a television set?"

SINGLE-LENS REFLEX

Pada tahun 1989 Sasson dan rakannya Robert Hill benar-benar berjaya menghasilkan Kamera Digital moden yang menggunakan Single-Lens Reflex (S.L.R) yang sama dengan model kamera profesional hari ini. Tetapi malangnya, pihak marketing enggan pasarkan kamera digital ni, Kerana mereka takut ia mengganggu hasil jualan Filem dan alat printing Kodak.




CORE BISNES KODAK

Bagi mereka model bisnes pada masa itu telah memberikan keuntungan lumayan. Buat apa nak ubah. Setiap step proses fotografi, akan membawa duit masuk kepada Kodak. Bermula dari beli kodak filem, ambil gambar, gunakan flash kodak. Kemudian nak cuci gambar mesti guna bahan kimia kodak. Cetak gambar pun atas kertas yang khusus kodak keluarkan. Cadangan kamera digital akan menghapuskan seluruh core bisnes tadi. Kesalahan Kodak adalah mereka terperangkap dalam core bisnes yang sepatutnya boleh diubah selagi ianya masih dalam bidang fotografi.

KAMERA DIGITAL

Tahukah kita Kamera Digital telah dipatenkan oleh Kodak pada tahun 1978. Disitu sahaja Kodak sudah untung billion. Ini kerana, jika siapa yang ingin menggunakan paten kamera digital mesti bayar kepada Kodak. Tapi bagi Kodak itu bukan core bisnes mereka dan kurang untung. Sayang Kodak bukan saja tidak nampak peluang bisnes baru yang patut diterokai. Bahkan mereka terlepas PELUANG menjadi peneraju Kamera Digital.



OFOTO

Kodak sudah pun memperkenalkan satu laman web untuk kongsi foto di situ. Namanya Ofoto. Pengguna boleh menyimpan foto mereka secara maya bila mereka menggunakan Ofoto. Apa yang menarik, Laman Web ini wujud sebelum adanya facebook dan Instagram. Sepatutnya Kodak sudah pun lead sistem simpanan foto maya. Tapi malangnya tujuan Ofoto ini adalah untuk menarik seramai mungkin orang supaya mencetak gambar digital menggunakan printing mereka. Mereka tetap mahu tumpukan core bisnes mereka iaitu print gambar foto. Bahkan enggan melihat peluang lain yang lebih luas.

PENGAJARAN



Jangan kita berdegil untuk menerima perubahan



Jangan kita terlalu lama dalam kelesaan



Kedegilan dan terlampau selesa membuat kita terlepas segalanya

أَنْجَيْنَا الَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ السُّوءِ

Kami selamatkan orang-orang yang melarang daripada perbuatan jahat itu

(al-a'raf 165)